

Nama : Idris bin Amri

No. Staf : NA6504

Bahagian : Kecemasan & Rawatan

Tajuk Kursus : Bengkel Simulasi Asas Penjagaan Pesakit

Tempat : Dewan Peperiksaan 2, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

Tarikh : 07 – 08 Mac 2023

(HARI PERTAMA - 07 MAC 2023)

Bahagian 1 (Bed Making, Personal Hygiene, & Assisting in Eating)

- *Bed Making* ialah cara-cara bagaimana untuk mengemaskan katil, menyediakan katil untuk pesakit dan penerangan apa itu maksud *unoccupied bed* di dalam wad pesakit.
- *Personal hygiene* adalah cara bagaimana untuk membantu membersihkan dan memandikan pesakit di dalam wad, perlu dilakukan setiap hari dan setiap pagi untuk memastikan keselesaan pesakit.
- *Assisting in eating* pula adalah membantu memberi makan kepada pesakit yang kurang tenaga dan upaya terutamanya yang tidak mampu untuk menyuap makanan.

Bahagian 2 (Basic CPR)

- Pengenalan mengenai basic CPR dan cara memberikan bantuan kecemasan di tempat kejadian sebelum ambulan tiba.

Bahagian 3 (Last Office)

- Last office adalah satu keadaan dimana PPK perlu membantu paramedik untuk membersihkan pesakit yang sudah disahkan meninggal dunia sebelum diserahkan kepada waris atau forensik.

Bahagian 4 (Positioning & Transferring)

- Peserta diajar bagaimana cara untuk membuatkan pesakit berasa selesa dikatil wad, sama ada pesakit dalam keadaan baring biasa atau mengiring dengan meletakkan bantal atau selimut di tangan atau kaki pesakit dan juga peserta diajarkan cara untuk memindahkan pesakit sama ada ke atas kerusi atau katil yang lain dengan cara mengangkat dengan bantuan 2 atau 3 orang PPK dan juga pesakit boleh diangkat dengan mesin khas.

Bahagian 5 (Fall Prevention)

- Peserta diterangkan apakah faktor-faktor yang boleh menyebabkan pesakit berkemungkinan boleh terjatuh dari katil sama ada pesakit jatuh disebabkan kecuai staf atau cubaan pesakit untuk turun sendiri dari katilnya.

Bahagian 6 (Counter Service)

- Adab dan tatacara ketika staf atau PPK ditugaskan berada di kaunter perkhidmatan.
- Peserta diterangkan bagaimana adab bercakap ketika pendaftaran pesakit di kaunter sama ada pendaftaran baru atau temujanji
- Peserta juga diajarkan bagaimana untuk bertenang ketika ada pelanggan yang datang dalam keadaan marah atau cuba melakukan provokasi.

(HARI KEDUA - 08 MAC 2023)

Bahagian 1 (Vital Sign)

- Pengenalan dan penerangan mengenai apa itu vital sign, maksud diastolic, systolic dan juga SPO2, selain itu peserta juga diterangkan tentang bacaan normal pesakit dewasa, kanak-kanak dan juga bayi.
- Beberapa saiz untuk mengambil tekanan darah diterangkan dan juga kenapa kita tidak lagi mengambil tekanan darah secara manual, ini adalah kerana terdapat kandungan merkuri pada mesin manual jika merkuri tersebut pecah boleh menyebabkan radiasi dan bahagian tersebut hendaklah ditutup dan staf yang terlibat diarahkan untuk menjalani kuarantin.

Bahagian 2 & 3 (Infection & Waste Management/Specimen Management)

- Pengenalan tentang jenis-jenis tong sampah yang biasanya terdapat di wad pesakit, cara untuk mengikat dan membuang sampah klinikal dan juga tong barang tajam.
- Para peserta diajar cara-cara memakai glove, apron dan peserta juga diajar cara membasuh tangan dengan betul sama ada menggunakan sanitizer atau dengan air paip.
- Peserta diterangkan mengenai cara untuk mengendalikan botol spesimen darah dan urine yang perlu dihantar ke makmal, terdapat dua cara spesimen boleh dihantar iaitu cara manual dan juga "shoot". PPK juga perlu memastikan maklumat pesakit pada ~~borang~~ sama dengan yang tertera di botol spesimen.
borang

Bahagian 4 & 5 (Assisting in Solat & Wudhu)

- Para peserta diterangkan dan diajar cara mengambil wudhu dan bagaimana cara membantu pesakit yang kurang upaya untuk berwudhu dan bertayammun, para peserta juga diterangkan dimana bahagian badan yang wajib wudhu.
- Kemudian peserta ditunjukkan simulasi bagaimana bersolat ketika dikatil, sama ada sambil duduk, baring, ataupun solat dengan menggunakan mata. Para peserta juga dijelaskan mengenai solat Jamak Tamam, Jamak Suri, dan juga Solat Hormat Waktu (untuk pesakit yang tidak boleh berwudhu dan bertayammun).

Bahagian 6 (Telephone Communication)

- Para peserta diterangkan mengenai tatacara dan adab sopan ketika menerima panggilan telefon seperti memberi salam, mengenalkan nama dan dari unit mana serta ucapan untuk mengakhiri panggilan.
- Peserta juga diminta membuat satu simulasi untuk menjawab beberapa panggilan dari staf HSAAS.

Bahagian 7 (Basic Dressing)

- Peserta diterangkan tentang kudis tekanan dan beberapa luka dan nanah yang kerap dijumpai ketika PPK membantu Staf melakukan cucian luka.
- Peserta juga diterangkan mengenai asas cucian luka, dan Kawasan yang dianggap steril

Bahagian 8 (Bowel & Urinary Care)

- Peserta diterangkan cara-cara untuk membersihkan serta menukar lampin pesakit yang sudah kotor, peserta juga diajar cara untuk membersihkan kantung air kencing pesakit yang sudah penuh dan berat.

**peserta bengkel simulasi diwajibkan menjawab ujian pre-test sebelum bengkel dimulakan dan menjawab soalan post-test pada hari terakhir bengkel bagi melihat dan menilai keberkesanan bengkel kepada peserta*